



SIARAN MEDIA

Untuk siaran segera

Great Eastern Takaful Kongsi Rezeki Imarshkan Ramadan

Pelbagai pengisian Ramadan menyinari persiapan menyambut Aidilfitri buat golongan kurang bernasib baik.

18 April 2023, Kuala Lumpur – Pengendali takaful keluarga, Great Eastern Takaful Berhad (GETB) mengimarahkan bulan Ramadan yang penuh barakah ini melalui program GREAT Ramadan dengan menyantuni golongan yang kurang bernasib baik. Pengisian program ini memfokuskan sumbangan serta penajaan kepada anak yatim dan asnaf daripada Pertubuhan Kebajikan Ulul Azmi dan Pertubuhan Kebajikan Islam Peribadi Mulia berupa kelengkapan pakaian untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri serta barangan keperluan rumah dan penjagaan diri para penghuni rumah kebajikan tersebut.

Dengan kerjasama Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), seramai 120 orang anak yatim dan asnaf telah dibawa membeli-belah pakaian baharu diiringi 30 sukarelawan yang terdiri daripada warga kerja Great Eastern Takaful. Program ini dilaksanakan untuk menceriakan dan menggembirakan mereka di samping memberi pengalaman menguruskan persiapan sambutan Aidilfitri bersama ahli keluarga.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahrman berkata, “Sebagai sebuah organisasi yang amat prihatin terhadap golongan kurang bernasib baik, kami berbesar hati untuk menyantuni golongan anak yatim dan asnaf lebih-lebih lagi pada bulan yang mulia ini. Kegembiraan yang terpancar di wajah mereka amat bermakna buat kami kerana ia amat bertepatan dengan misi kami untuk membantu mereka yang memerlukan. Semoga sambutan hari raya mereka pada tahun ini lebih meriah dengan pakaian serba baharu serta keperluan rumah dan barangan penjagaan diri termasuk sumbangan tunai untuk menambahbaik penempatan mereka.”

Penghuni rumah kebajikan tersebut juga turut menyertai program *Grand Iftar* bersama hampir 1000 perunding takaful cemerlang di Masjid Wilayah Kuala Lumpur yang menampilkan penceramah jemputan iaitu YBhg. Dato' Ustaz Mohd Kazim Elias dan Chef Ammar Al Ali dengan pengisian bermanfaat demi mencapai kejayaan bersama dalam meningkatkan penghayatan bulan Ramadan.

“Dalam usaha mengimarahkan bulan yang penuh kebaikan ini, kami juga memperuntukkan sebahagian sumbangan kepada pihak Masjid Wilayah Kuala Lumpur dengan harapan ia memberikan keselesaan dan memanfaatkan pengunjung masjid untuk beribadah. Secara keseluruhannya, inisiatif yang telah kami laksanakan ini sejajar dengan teras pembangunan komuniti yang menjadi salah satu tunjang aktiviti kemasyarakatan Great Eastern Takaful,” tambahnya.

Selain itu, penglibatan perunding takaful serta para pelanggan terpilih diteruskan lagi melalui acara *Shopping Bonanza* di mana seramai lebih 300 perunding takaful berpeluang untuk membeli-belah barangan keperluan asas yang akan disalurkan secara langsung kepada penerima yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

Menuju pengakhiran Ramadan tahun ini, Great Eastern Takaful turut mengambil kesempatan untuk menyantuni seramai 50 orang penghidap kanser kanak-kanak di bawah Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak-anak Kanser dalam satu majlis berbuka puasa. Majlis ini diharapkan dapat menceriaikan para pejuang kanser kanak-kanak yang bersemangat tinggi dalam menjalani kehidupan serta rawatan mereka sebaik mungkin.

Untuk maklumat lanjut:

Great Eastern Takaful - <https://www.greateastertakaful.com/>

-TAMAT-

Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, syarikat ini telah berjaya melangkah jauh di mana ia dinamakan Best New Islamic Institution pada 2011; Best New Takaful Institution pada 2012; dan Best Takaful Operator (Asia) pada 2013 di Islamic Business & Finance Awards di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad dianugerahkan Fastest Growing Takaful Company in Malaysia oleh International Finance, sebuah terbitan analisis dan perniagaan premium di United Kingdom dan Takaful Solutions Provider of the Year - South East Asia Award oleh Wealth & Finance International dari United Kingdom. Pada tahun 2020, Great Eastern Takaful dianugerahkan "Most Valuable Brand - Takaful Solutions" oleh The BrandLaureate BestBrands Awards 2020. Pada tahun yang sama, syarikat pengendali takaful ini juga dinobatkan sebagai penerima "CSR Initiative of 2020" oleh Insurance Asia Awards. Pada tahun 2021, Great Eastern Takaful telah memenangi "The BrandLaureate World Halal BestBrands e-Branding Awards 2021 - Brand of the Year - Takaful Solutions". Terkini, Great Eastern Takaful dianugerahkan "Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022" oleh Global Business Outlook Awards.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden - Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Tel: +6016 209 2341 | MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com